

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN  
DARIPADA : YB TUAN HAJI ZAINUDIN BIN HAJI ISMAIL  
[ JELEBU ]  
SOALAN :**

**YB TUAN HAJI ZAINUDIN BIN HAJI ISMAIL [ JELEBU ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah perancangan Kerajaan dalam menghadapi cabaran kekurangan doktor menjelang tahun 2015 yang dijangka nisbah doktor dan penduduk mencapai sehingga 1:600.

**Tuan Yang Dipertua,**

Kerajaan memang prihatin dan sentiasa berusaha serta mengambil berbagai langkah untuk menambahkan bilangan pegawai dan pakar perubatan Negara, khususnya dalam Kementerian Kesihatan Malaysia untuk menyediakan perkhidmatan kesihatan yang memuaskan kepada rakyat.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada tahun 2013, nisbah Pegawai Perubatan kepada penduduk di Malaysia adalah 1:620. Nisbah tersebut masih belum mencapai sasaran yang ditetapkan selaras dengan nisbah bagi negara maju iaitu 1:400 bagi Pegawai Perubatan. Walau bagaimanapun, nisbah tersebut adalah bertambah baik

berbanding 5 tahun sebelumnya iaitu pada tahun 2009 nisbah Pegawai Perubatan kepada penduduk adalah 1:927.

Berdasarkan trend peningkatan graduan perubatan pada masa ini, dijangkakan negara akan mencapai nisbah yang disasarkan 1:400 menjelang tahun 2020.

Perancangan Kerajaan dalam meningkatkan bilangan doktor adalah melalui pertambahan institusi pengajian tinggi awam dan swasta yang menawarkan pengajian dalam bidang perubatan, dianggarkan jumlah graduan akan terus bertambah dari tahun ke tahun. Sejak tahun 2001, graduan perubatan yang menjalankan latihan siswazah secara purata adalah 1020 orang berbanding sekitar 700-800 orang pada tahun-tahun sebelumnya. Pada tahun 2008 jumlah tersebut telah meningkat kepada 2319 orang dan seterusnya 3058 orang pada tahun 2009. Manakala sehingga pada tahun 2013 seramai 4991 orang graduan perubatan telah dilantik untuk menjalani latihan siswazah.

Bagi menarik minat pakar perubatan dan pegawai perubatan untuk terus kekal berkhidmat dengan Kerajaan, pelbagai insentif telah diperkenalkan seperti:

**Elaun - elaun yang telah ditambahbaik :**

- (i) Kenaikan kadar Bayaran Insentif Perkhidmatan Kritikal dari RM500 kepada RM750
- (ii) Kenaikan kadar Bayaran Insentif Pakar dan Bayaran Insentif Pengarah Hospital (BIPH)
- (iii) Kenaikan Kadar Elaun Kerja Luar Waktu Bekerja Biasa

(EKLWBB)

**Elaun-elaun yang baru diperkenalkan:**

- (i) Bayaran Insentif Klinik Selepas Waktu Pejabat pada kadar RM80.00 sejam kepada pegawai perubatan
- (ii) Bayaran Insentif Khas (pembedahan Elektif) pada kadar RM200 sejam kepada pakar dan RM80.00 sejam kepada pegawai perubatan

**Lain-lain penambahbaikan perkhidmatan yang telah berjaya dicapai:**

- (i) Pegawai Perubatan Gred UD41 layak dipertimbangkan kenaikan pangkat ke Gred UD44 setelah menamatkan latihan siswazah dan mendapat pendaftaran penuh dengan Majlis Perubatan Malaysia.
- (ii) Kenaikan pangkat secara *time-based* (dengan izin) kepada pegawai dan pakar perubatan.
- (iii) Lantikan ke dalam perkhidmatan pegawai perubatan tetap secara *multiple entry* (dengan izin) terutama kepada pakar perubatan.
- (iv) Program *Full Paying Patient* (dengan izin) yang berjaya dilaksanakan.
- (v) Kebenaran untuk pegawai perubatan dan pakar perubatan untuk menjalankan lokum

**PARLIMEN MALAYSIA**  
**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : TUAN HAJI ZAINUDIN ISMAIL [JELEBU]**

**SOALAN : Tuan Haji Zainudin bin Ismail minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan** menyatakan perkembangan dari segi penglibatan dan Unit Agropreneur Muda (UAM) yang ditubuhkan sejak September 2013.

**JAWAPAN :**

**Tuan Yang Dipertua,**

Kementerian telah mengambil langkah positif untuk menarik lebih ramai penglibatan generasi muda di dalam sektor pertanian melalui penubuhan Unit Agropreneur Muda (UAM). Melalui unit ini, pelbagai program telah dilaksanakan sejak ditubuhkan pada September 2013 :

- i. Pendaftaran 3,028 peserta di dalam program pembangunan agropreneur muda MOA
- ii. 56 Program promosi dan roadshow bagi menarik minat generasi belia untuk menceburi bidang pertanian
- iii. 23 Siri program latihan dan khidmat nasihat dalam pelbagai bidang pertanian serta pembangunan usahawan melibatkan 1,918 peserta

- iv. Penyediaan pakej keusahawanan mengikut sub sektor pertanian untuk diceburi oleh generasi belia yang merangkumi pelbagai aktiviti sub sektor seperti tanaman, perikanan, ternakan, pemasaran dan teknologi & inovasi
- v. Bantuan kewangan yang disediakan untuk pembangunan usahawan tani muda yang dilaksanakan oleh Jabatan & Agensi di bawah MOA adalah pinjaman laluan mudah melalui AgroBank dan TEKUN Nasional.

Kelulusan pembiayaan oleh AgroBank untuk Agropreneur Muda:

- a. Projek baru – sehingga RM50,000
- b. Projek sediaada – sehingga RM300,000

TEKUN Nasional juga membantu menyediakan dana pembiayaan untuk Agropreneur Muda bagi tujuan modal perniagaan sehingga RM100,000.

Sehingga 15 Oktober 2014, sejumlah 207 permohonan pembiayaan dengan nilai RM25.97 juta telah diterima, daripada jumlah itu, sebanyak 128 permohonan bernilai RM9.22 juta telah diluluskan oleh Agrobank dan TEKUN Nasional.